

LATIHAN PRE-ACCIDENT PLAN (OFF BASE) PANGKALAN UDARA SUBANG 2019

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5611-latihan-pre-accident-plan-off-base-pangkalan-udara-subang-2019

SUBANG, 11 Nov 19 – Sel Keselamatan Pangkalan Udara Subang dengan kerjasama No 2 Skuadron telah mengadakan Latihan ‘Pre-Accident Plan (Off Base)’ di Padang SMS PDRM, TTDI Jaya.

Latihan berkonsepkan senario simulasi helikopter VIP mendarat cemas akibat masalah teknikal ini telah dikoordinasikan oleh SSO No 2 Skn, Mej Mohd Adysham bin Mahadi TUDM manakala Pegawai Keselamatan Pangkalan, Mej Zuliana binti Zulkifli TUDM bertindak sebagai ‘On Scene Commander’.

Latihan ini turut melibatkan dari Skn 208 Provos, Cawang Operasi, Menara Kawalan (Air Force Ground), Cawang Bomba, RSAT, Subang Tower dan PDRM yang memberikan kerjasama baik bagi menjayakan latihan.

Hasil daripada latihan ini, ia berjaya meningkatkan tahap kesedaran keselamatan penerbangan dan secara tidak langsung dapat memperbaiki sistem yang ada supaya lebih sistematik di masa akan datang.



